

## **BAB TUJUH**

### **PENUTUP**

Trend perpindahan manusia dari negara kurang maju ke negara maju bukanlah satu perkara yang baru. Jika dahulu negara-negara penerima tradisi iaitu Eropah, Amerika Syarikat, Kanada dan Australia menjadi destinasi utama para migran, namun trend ini telah berubah. Kini negara yang menjadi tumpuan para migran ialah negara-negara ekonomi perindustrian baru (newly industrialising economies) di Asia. Di antara negara-negara ini termasuklah Malaysia.

Transformasi ekonomi Malaysia dari sektor pertanian ke sektor pembuatan dan seterusnya sektor perindustrian telah menyebabkan ekonomi Malaysia berkembang pesat. Penumpuan terhadap sektor perindustrian dan ICT menyebabkan sektor-sektor yang lain terutamanya pertanian, pembinaan dan pembuatan menghadapi masalah kekurangan tenaga buruh. Keengganan buruh tempatan mengisi kekosongan pekerjaan dalam sektor-sektor ini menyebabkan ramai dari kalangan majikan, sebagai langkah jangka pendek, membawa masuk buruh-buruh asing dari luar negara bekerja di Malaysia. Tenaga buruh ini bukan sahaja kos efisien, tetapi mereka juga sanggup melakukan kerja-kerja, apa yang dipanggil kerja 3-D iaitu dangerous, dirty and difficult.

Trend kemasukan pekerja asing di Malaysia tidak banyak berubah sebelum dan selepas merdeka. Kebanyakan pekerja asing, sama ada di bawa masuk atau masuk secara haram, berasal dari negara-negara yang berjiran dengan Malaysia seperti Indonesia, Thailand dan Filipina.

Kemasukan mereka terutamanya buruh dari Indonesia dijangka akan berterusan walaupun langkah-langkah pengawalan dan pemantauan diperketat.

Seterusnya trend kemasukan juga dijangka akan terus didominasi oleh pekerja-pekerja yang kurang mahir dan separuh mahir memandangkan sektor ekonomi lebih tertumpu kepada sektor perindustrian dan ICT. Ekonomi negara masih lagi bergantung kepada sektor ekonomi yang berintensifkan buruh. Bagi mengelakkan ekonomi negara terus bergantung kepada tenaga buruh asing, pelaburan dalam R & D perlu dipertingkatkan. Untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara yang maju menjelang tahun 2020, orientasi ekonomi Malaysia perlu diubah dari sektor yang berintensifkan buruh kepada sektor yang berintensifkan modal, berteknologi tinggi dan melibatkan diri dalam aktiviti-aktiviti ekonomi berkemahiran tinggi. Sektor ekonomi yang banyak bergantung kepada tenaga buruh misalnya, boleh memindahkan kawasan operasi mereka ke negara-negara yang mempunyai lebihan tenaga buruh seperti di Indonesia dan India. Walaupun ia melibatkan jumlah pelaburan yang besar namun pada masa yang sama ia menjimatkan kos dan dapat membantu ekonomi negara jiran dengan mewujudkan lebih banyak peluang-peluang pekerjaan.

Selain itu bagi memastikan Malaysia tidak terus dibanjiri oleh pekerja-pekerja asing, terutamanya secara haram, ada pendapat yang menganjurkan bahawa penguatkuasaan undang-undang perlu diperketat (draconian measures). Penguatkuasaan undang-undang yang longgar, kekurangan kakitangan serta beban tugas yang banyak menjadi faktor-faktor penghalang kepada usaha Jabatan Imigresen dan pihak berkuasa yang lain untuk membanteras dan mengawal kemasukan pendatang asing. Polisi dan program yang sedia ada perlu diperkemas dan di laksana

dengan berkesan, dan bukannya diadakan secara ad-hoc. Sistem pendaftaran dan rekod-rekod yang berkaitan perlu dikemas kini agar pengurusan sumber manusia dapat dirancang dengan tersusun. Apa yang diperlukan ialah satu dasar migrasi jangka panjang yang konsisten dan selari dengan perancangan ekonomi jangka panjang termasuklah dasar makroekonomi, fiskal, perundangan, perdagangan, pelaburan dan teknologi.